

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

[BATU PAHAT]

TARIKH : 7 Ogos 2017 (ISNIN)

Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah membantu para peneroka FELDA melepaskan diri daripada hutang yang berpunca daripada pinjaman untuk membeli saham FGV, syarikat yang tidak diurus dengan baik dan kelemahan urus tadbir Technoplant yang tidak ada rekod pecahan hutang peneroka dan tiada rekod terperinci perolehan tan BTS.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dalam mana-mana syarikat senaraian awam mempunyai risiko naik dan turun, begitu juga pelaburan dalam FGV. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan harga saham FGV menjadi tidak menentu antaranya adalah faktor prestasi kewangan, harga Minyak Sawit Mentah (MSM) dunia, cuaca dan juga sentimen pasaran.

Dalam membantu meringankan beban peneroka, pada 1 Oktober 2012 FELDA telah menebus jumlah saham yang dipegang oleh peneroka sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka pada harga kos RM3,560 dan tidak termasuk fi serta cas-cas perkhidmatan bank yang lain untuk setiap peneroka. Melalui penebusan ini, peneroka diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah dengan kadar pembayaran balik serendah RM50 sahaja sebulan untuk selama 76 bulan (6 tahun dan 4 bulan). Peneroka juga dibenarkan membuat jualan dan berhak untuk mendapat dividen yang diisytiharkan oleh FGV. Terkini, Kerajaan telah mengumumkan enam insentif kepada peneroka sempena Hari Peneroka pada 24 Julai 2017, antaranya adalah Kerajaan mengumumkan pelupusan sebahagian baki pinjaman saham FGV dengan kadar ringgit ke ringgit. Bagi peneroka yang telah habis membayar pinjaman pula, ganjaran tunai RM1,820 diberikan.

Justeru, sudah tidak menjadi sebarang isu saham FGV memberi beban kepada Peneroka lagi malahan mereka akan terus menerima dividen yang diisytiharkan oleh FGV setiap tahun. Jumlah pemberian dividen yang telah diterima oleh peneroka FELDA yang memegang saham FGV sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka sehingga kini adalah sebanyak RM360.00. Selain itu, FELDA juga telah mengagihkan pendapatan dividen FGV yang diterima melalui pegangan 20% saham FGV kepada peneroka yang layak. Jumlah keseluruhan pemberian dividen berkenaan sehingga kini adalah sebanyak RM 254,505,236.86.

Berkaitan tadbir urus Felda Technoplant Sdn Bhd (FTP), dimaklumkan bahawa FTP telah menggunakan Perisian Aplikasi Perniagaan bertaraf antarabangsa, iaitu *Systems, Applications and Products* (SAP) bagi urusan merekod urusanniaga secara terperinci samada perbelanjaan atau pendapatan (tan BTS). Sistem ini digunapakai oleh syarikat konglomerat dan bertaraf multinational seperti Shell, Petronas dan Nestle. Sistem ini merekod hasil Buah Tandan Segar (BTS) yang ditimbang dan direkodkan oleh Kilang FGV serta boleh disemak oleh FTP pada setiap hari. Bagi rekod hutang Peneroka, ia boleh dikeluarkan samada berbentuk rumusan atau pun secara terperinci mengikut pecahan hutang peneroka melalui sistem ini. Penyata hutang Peneroka boleh diperolehi daripada Pejabat Rancangan pada bila-bila masa dan ia diedarkan kepada semua Peneroka pada setiap suku tahun dan juga akan dibentangkan sekiranya perlu diperjelaskan dengan terperinci kepada Peneroka.

Sekian. Terima kasih.